



KENYATAAN MEDIA

Media Release

Untuk siaran segera

PENERIMAAN BNCP MELALUI e-FILING SEHINGGA 30 APRIL 2012

1. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pembayar cukai yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan mengembalikan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Tahun Taksiran 2011 dan membuat bayaran cukai pendapatan sebelum atau pada 30 April 2012.
2. Sukacita dimaklumkan bahawa jumlah BNCP yang telah diterima melalui kaedah e-Filing pada 30 April 2012 ialah 166,262 borang, menjadikan jumlah keseluruhan BNCP yang diterima ialah **1,728,183 borang**. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak **0.29%** berbanding penerimaan BNCP dalam tempoh yang sama pada tahun lepas iaitu 1,723,186 borang.
3. Peningkatan penerimaan borang melalui e-Filing yang agak perlahan ini disebabkan oleh Tempoh Tangguh (*grace period*) sehingga 15 Mei 2012 yang ditawarkan oleh LHDNM kepada pembayar cukai yang ingin menggunakan kemudahan e-Filing untuk mengemukakan BNCP Tahun Taksiran 2011 mereka. Ia turut menunjukkan bahawa masih terdapat di kalangan pembayar cukai yang tetap menunggu saat-saat akhir dalam melunaskan tanggungjawab mereka menghantar BNCP. LHDNM percaya angka ini akan bertambah menjelang berakhirnya Tempoh Tangguh yang ditawarkan pada 15 Mei 2012 nanti.


Statistik penerimaan e-Filing pada tujuh hari terakhir

APRIL	e-FILING 2011	e-FILING 2012
24	47,121	67,116
25	85,789	71,352
26	97,766	82,383
27	107,147	91,281
28	119,492	60,151
29	120,955	88,052
30	88,693	166,262
JUMLAH	666,963	626,597

4. Berikut merupakan jadual dan carta yang menunjukkan peningkatan jumlah pengguna e-Filing sehingga **30 April bagi tahun 2006 sehingga 2012**:

30 April Tahun ...	Bilangan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) yang diterima melalui e-Filing
2006	84,295
2007	589,464
2008	984,994
2009	1,257,693
2010	1,494,752
2011	1,723,186
2012	1,728,183

**Statistik BNCP Diterima Melalui e-Filing sehingga
30 April 2012**



5. Peningkatan bilangan borang yang diterima melalui e-Filing ini pada saban tahun menunjukkan bertambahnya kesedaran tentang faedah penggunaan e-Filing di kalangan pembayar cukai dalam mengemukakan BNCP mereka. e-Filing bukan sahaja ternyata Mudah, Tepat dan Selamat, ia turut membantu mempercepatkan pemprosesan taksiran cukai serta bayaran balik cukai terlebih bayar.

SEKIAN, TERIMA KASIH

#

Dikeluarkan oleh	:	Masrun bin Maslim Pegawai Perhubungan Awam Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Tarikh	:	1 Mei 2012
Nombor Telefon	:	03-8313 8888 samb: 21326 / 21327
Nombor Faks	:	03-8313 7836
Pusat Khidmat Pelanggan	:	1-300-88-3010

www.hasil.gov.my